

07 OCT 2002

Nik Aziz-Ar Rahn

K'TAN AKAN BUKA LEBIH BANYAK CAWANGAN KAUNTER AR RAHN

PASIR MAS, 7 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata lebih banyak cawangan kaunter Ar Rahn yang menguruskan sistem gadaian Islam tanpa riba, akan diwujudkan di negeri ini untuk kemudahan orang ramai mendapatkan sumber kewangan tanpa riba.

Beliau berkata setakat ini terdapat lima cawangan kaunter Ar Rahn yang dikendalikan Permodalan Kelantan Berhad (PKB) sebuah anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Ikhtisad Negeri Kelantan (PKINK).

"Kadar pinjaman juga telah dinaikkan dari RM5,000 kepada RM10,000," katanya kepada pemberita selepas merasmikan cawangan kaunter Ar Rahn Pasir Mas di sini, hari ini.

Nik Aziz berkata sistem gadaian Islam tanpa riba yang diperkenalkan kerajaan negeri sejak beberapa tahun lepas itu telah berjaya mengurangkan pergantungan orang ramai untuk mendapatkan modal perniagaan daripada pihak yang memberi pinjaman berasaskan riba.

"Golongan yang mengambil riba adalah orang yang menghisap darah manusia... Orang Melayu yang miskin terpaksa guna sistem gadaian sebelum Ar Rahn untuk mendapatkan modal hingga ada yang terpaksa menggadai tanah," katanya.

Beliau berkata sistem Ar Rahn juga telah ditiru oleh institusi kewangan lain kerana mereka yakin sistem yang dikemukakan kerajaan Kelantan itu tidak terbabit dengan riba dan banyak memberi faedah kepada orang ramai.

Dalam perkembangan lain, Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS berkata negara-negara Islam perlu bersatu untuk menghapuskan kezaliman khasnya dari segi kewangan yang dilakukan oleh negara tertentu yang kaya dan berkuasa.

"Yang dukacitanya tindakan menindas manusia ini telah menjadi amalan baik di kalangan manusia jahat...mereka lebih senang menindas kerana itu menguntungkan mereka," katanya.

Beliau berkata golongan tamak perlu ditentang kerana tamak merupakan sifat tercela untuk mendapatkan kekayaan tanpa mengira soal halal dan haram.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak negara Asia bersatu menentang golongan tamak haloba yang kini menguasai ekonomi dan kewangan dunia menerusi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

-- BERNAMA

BD RON